

27 MAR 1997

MAHATHIR: HUBUNGAN DENGAN SINGAPURA PULIH APABILA KEMARAHAN REDA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 27 Mac (Bernama) -- Hubungan Malaysia dengan Singapura akan pulih seperti biasa setelah perasaan tersinggung dan marah rakyat Malaysia reda berhubung satu kenyataan tidak wajar terhadap Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Ketika mengulas keputusan Kabinet Malaysia semalam untuk membekukan semua urusan dua hala baru dengan Singapura, beliau berkata rakan-rakan kabinetnya tentunya mempunyai alasan yang kukuh untuk membuat keputusan sedemikian.

Dr Mahathir berkata oleh kerana mesyuarat Kabinet itu dijalankan tanpa kehadirannya, beliau perlu berbincang dengan rakan-rakan kabinetnya sebelum dapat mengulas lanjut.

Perdana Menteri berada di sini untuk lawatan rasmi empat hari.

-- BERNAMA

SJ MAI